

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
DISEMBER 2016

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

1. Pencen turunan adalah dikhususkan kepada warga perkhidmatan Awam yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau
 - a. Meninggal dalam tempoh 18 tahun atau ke bawah selepas bersara
 - b. Meninggal dalam tempoh 15 tahun atau ke bawah selepas bersara
 - c. Meninggal semasa dalam cuti persaraan
 - d. Meninggal selepas 16 tahun selepas bersara

2. Berapakah kadar Elaun Bermalam bagi Pegawai dalam Bahagian IV dan V?
 - a. \$15 semalam
 - b. \$20 semalam
 - c. \$25 semalam
 - d. Tidak berkelayakan

3. Jika seorang pegawai bercuti tahunan melebihi 30 hari, elaun-elaun berikut tidak patut di terima kecuali ?
 - a. Elaun dari rumah ke pejabat
 - b. Elaun catuan
 - c. Elaun Perjalanan Tetap
 - d. Elaun Pelajaran

4. Apakah kemungkinan tindakan yang akan diambil terhadap seorang Pegawai Kerajaan yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam tanpa mendapat kebenaran Ketua Jabatannya sepertimana yang dinyatakan dalam Bab 9 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83?
 - a. Digantung Serta Merta daripada menjalankan Tugas
 - b. Ditahan gajinya sehingga ada ketetapan penguasa tatatertib
 - c. Digantung tugas dan gajinya hanya dibayar separuh sahaja
 - d. Kemungkinan dibuang kerja tanpa perbincangan

5. Bagaimanakah tatacara perhubungan persuratan di antara Setiausaha Tetap dengan Jabatan dalam Kementerian yang sama?
 - a. Letterhead
 - b. Memorandum
 - c. Minit
 - d. Ketiga-tiganya

6. Objektif Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) adalah untuk memastikan rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima bayaran pendapatan bulanan (anuiti) setelah mencapai umur persaraan mandatori, iaitu 60 tahun, disamping menerima pencen tua sebanyak B\$250 sebulan. Berapa kah jumlah bayaran pendapatan bulanan (anuiti) sebulan?
 - a. B\$ 100
 - b. B\$ 150
 - c. B\$ 200
 - d. B\$ 250

7. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggalaan 83), ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut Bab 7(a). Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan di bawah bab ini?
 - a. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
 - b. Pengiklanan dibukakan kepada Kakitangan yang berkhidmat di dalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu sahaja
 - c. Pengiklanan dibukakan kepada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
 - d. Pengiklanan dibukakan kepada Kakitangan yang berkhidmat di sektor swasta

8. Berapakah usia persaraan bagi pegawai perempuan dan lelaki yang dalam perkhidmatan Tabung Amanah Pekerja (TAP)?
 - a. 60 tahun
 - b. 60 dan 55 Tahun
 - c. 55 tahun
 - d. 50 dan 55 Tahun

9. Berapakah kadar pembayaran gaji bagi perempuan yang berkahwin mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 80 hari?
 - a. Gaji penuh
 - b. Tidak bergaji
 - c. Separuh gaji
 - d. Budi bicara Ketua Jabatan

10. Apakah definisi Pegawai Penilai dalam sistem penilaian prestasi kakitangan Perkhidmatan Awam
 - a. Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi perkerajaan dan kesejahteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang di dalam bidangnya secara langsung
 - b. Pegawai yang lebih kanan dalam kementerian / jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai dan kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
 - c. Pegawai dan Kakitangan yang terkandung di bawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
 - d. Ketua Jabatan

11. Sebarang pewujudan jawatan baru yang mana gelaran jawatan berkenaan belum wujud dalam Perkhidmatan Awam hendaklah di hadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak berkuasa untuk pertimbangan. Siapakah yang dimaksudkan pihak berkuasa berkenaan?
 - a. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - b. Jabatan Perbendaharaan
 - c. Jabatan Perbendaharaan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan

12. Dalam keadaan apakah yang boleh menyebabkan kebenaran mendiami perumahan kerajaan akan dibatalkan?
- Berada di luar negeri bagi tempoh selama 6 bulan kerana mengikuti Latihan dalam Perkhidmatan
 - Diarah bertukar / bertugas ke daerah lain yang mana di daerah berkenaan terdapat peruntukan perumahan kerajaan atau mempunyai peruntukan perumahan persendirian
 - Ditahan di wad Hospital Kerajaan melebihi tempoh 6 bulan kerana sakit
 - Jumlah penghuni rumah tersebut melebihi jumlah bilik rumah Kerajaan yang diperuntukkan
13. Jabatan awda telah menerima memorandum daripada Biro Mencegah Rasuah bertarikh 1 Oktober 2016, memaklumkan bahawa Awang Mail, pegawai awda dalam Bahagian III telah terlibat dengan Kes Rasuah. Kesnya masih dalam penyiasatan untuk dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menerima imbalan berbentuk tiket pelancongan ke Labuan daripada Pengurus Syarikat Putih Mata. Berpandukan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998, salah satu tindakan segera yang awda patut laksanakan ialah menahan gaji serta elaun. Berapa peratuskah gaji dan elaun Awang Mail akan di tahan?
- 100%
 - 40% gaji dan 60% Elaun
 - 50%
 - Tidak ada penahanan
14. Seorang Pegawai dalam Bahagian II yang berumur 42 tahun yang menemani pesakit menerima rawatan di luar negara atas biaya Kerajaan boleh diberikan Cuti Pendahuluan jika baki cutinya telah habis. Berapa Kadar cuti yang diberikan bagi Cuti Pendahuluan itu?
- 42 hari
 - 50 hari
 - 48 hari
 - 60 hari
15. Surat Pemberitahuan dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan mengenai dengan isu-isu seperti berikut:
- Berkaitan dengan hal ehwal kewangan
 - Berkaitan dengan hal ehwal dasar-dasar serta peraturan umum kerajaan dan peraturan-peraturan perkhidmatan
 - Isu-isu pentadbiran atau rutin berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing
 - Ketiga-tiga a,b dan c
16. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 18/1998, Elaun Perjalanan dari Rumah ke Pejabat, berapakah kadar elaun bagi pegawai-pegawai yang sedang menerima elaun Perjalanan Tetap jika jarak jauh rumah pegawai tersebut menggunakan kereta adalah lebih 4.5 Km tetapi tidak lebih daripada 9.5 Km?
- \$ 29.00
 - \$ 37.00
 - \$ 40.00
 - Tidak berkelayakan untuk diberikan Elaun Perjalanan dari Rumah ke Pejabat

17. Menurut perenggan 4.2 dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/2008, jika seorang pegawai dikehendaki memangku dengan tidak dikehendaki menjalankan tugas-tugas biasanya, berapa kah kadar pengiraan elaun memangku yang patut diterima oleh pegawai yang memangku tersebut ?
- 1/5 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
 - 1/3 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
 - 1/3 dari gaji permulaan jawatan pegawai yang memangku
 - 3/5 dari gaji jawatan yang dipangku
18. Berapakah kadar baksis yang diberikan kepada semua peringkat pegawai kontrak tempatan?
- 15 peratus (15%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk kontrak pertama dan kedua
 - 20 peratus (20%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk kontrak pertama dan kedua
 - 20 peratus (20%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
 - 25 peratus (25%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
19. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut di dalam negeri yang berumur seperti berikut:
- 5 tahun sehingga 25 tahun
 - 10 tahun sehingga 25 tahun
 - 3 tahun sehingga 25 tahun
 - 5 tahun sehingga 28 tahun
20. Pekerja bergaji hari boleh dicadangkan untuk dilantik ke dalam Perkhidmatan Open Vote setelah berkhidmat sekurang-kurangnya
- 10 tahun
 - 3 tahun
 - 12 Bulan
 - 5 tahun
21. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan cuti tanpa gaji bagi menemani pesakit di dalam dan luar negeri yang kurang daripada 30 hari?
- Jurukira Agung
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Ketua Jabatan
22. 45% daripada keseluruhan wang simpanan yang dikumpulkan dalam Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) boleh dikeluarkan jika
- Berumur 40 tahun
 - Membiayai pembinaan / pembelian rumah
 - Hilang keupayaan
 - Pembiayaan anak melanjutkan pelajaran

23. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 7/2011 mengenai Peraturan bagi Pemberian Elaun Cuti (Pindaan), semua pegawai tempatan yang berjawatan tetap yang menerima gaji pokok melebihi B\$1,930 sebulan akan, untuk sekali sahaja dan setelah berkhidmat selama 10 tahun diberikan elaun tambang bagi diri dan isterinya, bilakah elaun tambang ini akan ditiadakan pemberiannya?
- 1 Januari 2017
 - 1 Januari 2018
 - 1 Disember 2016
 - 23 Februari 2017
24. Peserta akan menerima pembayaran simpanan Persaraan Caruman Tambahan (SCP) apabila mencapai umur 60 tahun secara bulanan untuk tempoh berapa tahun?
- Seumur hidup
 - 15 tahun
 - 20 tahun
 - 10 tahun
25. Pegawai yang menggunakan bantuan Kemudahan Kewangan Kerajaan untuk memiliki Perumahan dan pada masa yang sama mendiami perumahan kerajaan adalah dikehendaki mengosongkan perumahan kerajaan tersebut dan berpindah ke rumah yang baru dibinanya setelah siap. Apakah tindakan yang perlu diambil jika pegawai tersebut gagal untuk mengosongkan perumahan Kerajaan tersebut?
- Dikenakan kadar bayaran sewa rumah/pangsa yang sebenar (mengikut kadar yang ditetapkan)
 - Di beri kelonggaran ke atas pegawai tersebut untuk melanjutkan tempoh mendiami perumahan kerajaan tidak lebih 1 tahun
 - Dikenakan kadar dua (2) kali ganda bayaran mendiami perumahan kerajaan sehingga pegawai tersebut mengosongkan perumahan kerajaan tersebut
 - Diberikan teguran sehingga pegawai tersebut mengosongkan perumahan tersebut
26. Semua Pegawai dan Kakitangan Kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggag 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi, pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit (B\$10,000) dan :
- Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun
 - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun
 - Penjara tidak lebih dari lima (5) tahun
 - Penjara tidak lebih dari tiga (3) tahun
27. Dalam apa keadaan sekalipun, berapakah kadar elaun memangku yang diterima oleh pegawai memangku menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/2008
- Tidak melebihi 1/5 daripada gaji jawatan yang di pangku
 - Tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok
 - Tidak melebihi separuh dari gaji pokok pemangku
 - Tidak melebihi separuh dari gaji pokok jawatan yang dipangku

28. Cuti lebih masa (Off-in-Lieu) diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam bahagian tertentu, iaitu :
- I dan II sahaja
 - III dan IV sahaja
 - III, IV dan V serta pekerja bergaji hari
 - I,II,III,IV serta pekerja bergaji hari
29. Seorang pegawai mempunyai baki cuti yang terkumpul sebanyak 130 hari pada 31 Januari 2016. Berapakah kadar maksima baki cuti yang dibenarkan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2010?
- 105 hari
 - 100 hari
 - 120 hari
 - 108 hari
30. Apakah gred penilaian prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 82%?
- Memuaskan
 - Baik
 - Sangat Baik
 - Cemerlang

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Dasar dalam melaksanakan Tindakan Tatatertib
2. Cuti Tidak Bergaji
3. Kategori-Kategori jawatan yang boleh dipangku jika ketiadaan pemegangnya dalam 1 hari
4. Kelakuan semasa bercuti menurut Peraturan-peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83
5. Kehadiran Pegawai Kerajaan ke majlis-majlis rasmi Negara
6. Pencen Turunan
7. Perbezaan Cuti Kontrak Asing dan Tempatan
8. Kaedah Pengiklanan jawatan kosong
9. Meninggalkan Negara tempat berkursus (Peraturan Latihan Dalam Perkhidmatan seberang laut)
10. Tatacara mengisytiharkan hadiah

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

SOALAN 1

Pada 29 November 2016 yang lalu, Jabatan Pertanian telah menerima laporan daripada Biro Kawalan Narkotik mengenai dua orang kakitangannya, iaitu Awang Zarul dan Awang Ameng yang telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah semasa serbuan dijalankan di kawasan Lorong tiga selatan, Seria di Daerah Belait.

Awda selaku Pegawai yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pentadbiran di Jabatan Pertanian, terangkan apakah tindakan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 seperti berikut:-

- a. Sila terangkan apakah tindakan awal kepada Awang Zarul dan Amen yang sebaik saja menerima laporan daripada Biro Kawalan Narkotik.

(6 markah)
- b. Larangan-larangan bagi Awang Zarul dan Awang Ameng ketika dalam penggantungan kerja

(4 markah)
- c. Tindakan jika Pegawai yang bertanggungjawab tidak mengambil tindakan mengikut peraturan yang di tetapkan ?

(2 ½ markah)
- d. Dalam keadaan apakah, pengecualian boleh dikenakan keatas Awang Zarul dan Awang Ameng dan sila nyatakan tindakan yang dikenakan atas perkhidmatan dan kemudahan mereka sepanjang tempoh pengecualian tersebut?

(5 markah)

SOALAN 2

Soalan ini adalah berkaitan dengan peraturan kehadiran bekerja dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya perkhidmatan Awam, Penggal 83 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998.

- a. Pegawai dan Kakitangan Kerajaan adalah dikehendaki mematuhi waktu dan peraturan bekerja dalam perkhidmatan awam. Terangkan waktu dan peraturan yang dikehendaki dan dipertanggungjawab untuk di patuhi.

(7 markah)

- b. Terdapat keadaan dimana pegawai yang tidak melaporkan kes-kes tidak mematuhi peraturan di atas yang boleh mengakibatkan pegawai berkenaan disifatkan tidak cekap dan tidak usaha. Terangkan peraturan yang dimaksudkan menurut Peraturan-Peraturan Pegawai-pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83.

(4 markah)

- c. Dalam keadaan apakah seorang warga perkhidmatan awam boleh diambil tindakan tatatertib dalam hal ehwal kehadiran bekerja menurut Peraturan 4,6, dan 8 Peraturan-Peraturan Pegawai-pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83.

(4 ½ Markah)

- d. Sebutkan Penguasa Tatatertib bagi Pegawai Kerajaan.

(2 Markah)

SOALAN 3

Hal Ehwal Memangku menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008.

- a. Sila nyatakan dalam keadaan apakah yang membolehkan sesuatu jawatan itu boleh dipangku.
(3 markah)

- b. Sila terangkan perbezaan memangku dan kadar elaun memangku mengikut para 4.1 dan para 4.2 dengan memberikan contoh perkiraannya.
(7 markah)

- c. Terangkan dalam keadaan mana sesuatu jawatan boleh dipangku dan sebaliknya bagi jawatan seperti berikut:
 - i. Jawatan-Jawatan yang memerlukan kelayakan professional atau teknikal.
(3 markah)

 - ii. Jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei atau Pegawai Kewangan atau Pegawai Audit.
(3 markah)

 - iii. Sila sebutkan pegawai dalam perkhidmatan yang tidak boleh dilantik memangku.
(1 ½ Markah)